

05/03/2003

Tanah runtuh: Kerajaan diminta tidak rahsia hasil kajian

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta tidak merahsiakan hasil laporan kajian kejadian tanah runtuh Taman Hillview, Ampang, di sini, yang meragut lapan nyawa pada 20 November lalu.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Bertindak Penduduk Taman Hillview, mahu kerajaan mengumumkan laporan kajian itu dengan segera kerana walaupun selepas lebih 100 hari tragedi itu berlaku, mereka terpaksa hidup dalam kebimbangan kerana masih tidak pasti sama ada ia selamat didiami atau sebaliknya.

Pengerusi jawatankuasa itu, Datuk Dr M Mohinder Singh, berkata jawatankuasa berkenaan yang bermesyuarat lebih seminggu lalu memutuskan untuk menghantar surat kepada pelbagai pihak, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ahli Parlimen Ampang, Datuk Ong Tee Keat, Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram), Kerajaan Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) meminta laporan itu diumumkan segera.

Katanya, dalam surat itu mereka membangkitkan empat persoalan, iaitu adakah kawasan itu selamat didiami, bagaimana keadaan perparitan di lereng bukit itu, apa hasil kajian jawatankuasa teknikal dan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan keselamatan penduduk terjamin.

"Kita mahu laporan itu disiapkan segera dan diumumkan kerana sebagai penduduk yang terjejas akibat tragedi itu, kami berhak mengetahui keadaan sebenar adakah tempat tinggal kami masih selamat didiami atau sebaliknya.

"Sebarang penemuan tidak sepatutnya dirahsiakan. Jika disahkan tidak selamat, kami ingin tahu apakah puncanya dan apa pula jalan penyelesaian yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah itu," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, tinjauan di lereng bukit di situ mendapati sisa tanah runtuh dan pokok tumbang masih dibiarkan di situ.

Jawatankuasa itu ditubuhkan selepas tragedi tanah runtuh yang meranapkan rumah bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar serta meragut nyawa isterinya, anak lelaki, dua menantu, dua cucu dan dua pembantu rumahnya.

Katanya, jawatankuasa itu dianggotai hampir 60 penduduk yang memiliki rumah dan masih tinggal di situ.

Sebelum tragedi itu, semua 80 rumah di situ berpenghuni, tetapi kini 20 rumah sudah dikosongkan apabila pemilik atau penyewanya bimbang mengenai keselamatan nyawa dan harta benda mereka.

Dr Mohinder berkata, selagi laporan itu tidak diumumkan dan walaupun keadaan di situ selamat, pemilik hartanah di situ menghadapi masalah

lain,
termasuk nilai tanah dan rumah mereka jatuh dengan teruk sehingga tidak laku untuk dijual atau disewakan.

Beliau tidak menolak kemungkinan ada penemuan 'mengejutkan' dalam kajian itu menyebabkan kerajaan enggan mengumumkannya.

"Tetapi sanggupkah kerajaan merahsiakan sebarang bahaya yang dihadapi penduduk sehingga menyebabkan kami terdedah kepada risiko berulangnya tragedi menyayat hati itu," katanya.

Katanya, jika kerajaan gagal mengumumkan hasil laporan itu, penduduk bercadang melantik juru perunding sendiri, tetapi ia mungkin sukar dilakukan kerana kosnya tinggi.

Sementara itu, seorang penduduk yang tinggal bersebelahan rumah Ismail,

Raja Alawiyah Idris, berkata setiap kali hujan lebat, mereka sekeluarga bimbang kemungkinan lereng bukit yang terdedah di situ runtuh semula.

"Keadaan lereng bukit itu yang terdedah dan belum dipulihkan menyebabkan ia mudah terhakis apabila hujan lebat.

"Kami berharap pihak berkuasa, terutama MPAJ bertindak membaiki keadaan itu," katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Zaini Omar dilaporkan berkata laporan jawatankuasa teknikal itu akan dibentangkan kepada Kabinet pada 27 Januari lalu.